

Pengaruh DAP di kawasan bandar utama merosot

KEPUTUSAN pilihan raya umum kali ini membuktikan pemilih di kawasan bandar pada keseluruhannya telah memberi kepercayaan penuh kepada konsep pentadbiran 2M — Bersih, Cekap dan Amanah.

Pada masa yang sama, ia juga menunjukkan bahawa pengaruh DAP di kawasan bandar utama seperti Ipoh dan Seremban mula merosot berikutan dengan kecundang tokoh-tokoh parti itu di tangan calon Barisan Nasional (BN).

Ini bermakna kerusi-kerusi Parlimen kawasan bandar termasuk Ipoh, Mengelembu, Kinta, Batu Gajah, Tanjong, Seremban, Petaling dan Kluang, yang selama ini dianggap "kubu" oleh DAP kini ditawan oleh BN.

Pemilih-pemilih di kawasan bandar, yang majoritinya bukan Melayu kini telah menyedari hakikat bahawa sokongan kepada parti pembangkang tidak mampu "membawa angin perubahan" seperti yang mereka harapkan.

BN pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad setakat ini merangkul 111 kerusi Parlimen dari 122 kerusi di Semenanjung.

Keputusan 32 lagi kerusi Parlimen — 18 di Sarawak dan 14 di Sabah — akan diumumkan Isnin ini. Pengundian di kedua negeri itu dijalankan berperingkat-peringkat.

BN dijangka menyapu bersih kesemua kerusi Parlimen di Sabah dan Sarawak. Ini bermakna Datuk Seri Dr. Mahathir

KUALA LUMPUR, Sabtu

mendapat mandat penuh rakyat untuk terus memimpin negara bagi tempoh lima tahun akan datang.

Bagaimanapun yang penting kali ini ialah kejayaan cemerlang BN dapat menghancurkan sama sekali impian DAP untuk mewujudkan "barisan pembangkang" yang kuat.

DAP hanya berjaya memenangi enam kerusi Parlimen berbanding dengan 16 kerusi yang dimenangnya dalam Pilihanraya

Antara tokoh-tokoh DAP yang kecundang, termasuk Presiden Kebangsaan parti itu, Dr. Chen Man Hin; Setiausaha Penganjurnya, Encik P. Patto dan Pengerusi DAP Perak, Encik Lim Cho Hock.

Dr. Chen digulingkan oleh Presiden Kebangsaan MCA, Datuk Lee San Choon dalam pertarungan "antara dua gergasi" di Seremban.

Encik Patto pula ditumpaskan oleh calon BN, Encik Yeoh Poh San di Petaling manakala Encik Lim kecundang di tangan Encik Peter Chin (BN) di Ipoh.

Seorang lagi orang kuat DAP, Encik Lim Kit Siang hampir-hampir mengalami nasib yang sama.

Buat kali pertama dalam karier politiknya, Setiausaha Agung DAP itu kecundang di tangan calon BN dalam pilihan-

raya peringkat Dewan Negeri.

Encik Lim gagal memenangi kerusi Dewan Negeri Melaka kawasan Bandar Hillir tetapi berjaya menewaskan "bekas anak muridnya" Encik Chan Teck Chan di kawasan Parlimen bandar Melaka.

Selain dari itu, Encik V. David juga gagal mempertahankan kedudukannya di kawasan Parlimen Damansara bila Encik Tan Koon Swan dari BN menumbangkannya.

Di peringkat Dewan Negeri pula, DAP kali ini hanya mampu menguasai 11 kerusi sahaja berbanding dengan 18 kerusi yang dimenangnya dalam tahun 1978.

Antara kubu kuat DAP di peringkat negeri yang jatuh ke tangan BN kali ini termasuk Kluang, Bandar Hillir dan Tranquerah.

Sementara itu, di Melaka, Ketua Menteri, Encik Mohd. Adib Haji Mohd. Adam mesifatkan kejayaan BN merampas kerusi Bandar Hillir dari DAP sebagai bukti penolakan rakyat terhadap perjuangan parti pembangkang.

Ketika mengulas kejayaan Encik Gan Boon Leong, beliau berkata ia juga membuktikan sokongan dan kepercayaan penuh rakyat kepada pentadbiran 2M.